

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
(PASIR GUDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.06.2015**

**Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewajibkan semua peniaga yang layak mengenakan GST kepada pembeli agar mempamerkan sejenis lesen/kad khas yang diselaraskan oleh pihak Kementerian dan berapakah jumlah tangkapan yang telah dibuat terhadap peniaga yang tidak layak tetapi masih mengenakan GST kepada pembeli.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Seksyen 33, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 memperuntukkan semua peniaga yang berdaftar perlu mengeluarkan invois cukai atau resit yang mengandungi butiran yang ditetapkan, antaranya nama syarikat, nombor pendaftaran GST, harga barang tanpa GST, amaun GST yang dikenakan dan harga keseluruhan barang termasuk GST. Pengguna boleh menyemak status pendaftaran peniaga dengan melayari portal [gst.customs.gov.my](http://gst.customs.gov.my) pada pautan *Taxpayer Access Point (TAP)*. Melalui pautan ini orang ramai boleh menyemak senarai perniagaan berdaftar dengan tiga cara sama ada menggunakan nombor ID GST atau no. pendaftaran perniagaan atau nama perniagaan. Orang ramai juga boleh menyemak sama ada sesuatu perniagaan itu berdaftar melalui panggilan telefon ke hotline GST 1-30-888-500.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara aduan pelaksanaan GST yang diterima oleh JKDM adalah berhubung:

- a. Orang yang berdaftar tidak mengeluarkan invois cukai atau mengeluarkan invois cukai yang tidak mematuhi kehendak dan butiran yang ditetapkan oleh undang-undang yang mana ini merupakan suatu

kesalahan di bawah seksyen 33(2) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan jika disabitkan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM30,000, penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya; dan

- b. Orang yang tidak berdaftar mengeluarkan invois yang mengenakan GST yang mana merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 33(10) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan jika disabitkan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun dan denda 2 kali ganda amaun cukai yang dikenakan.

Walau bagaimanapun, tidak semua kes yang diadukan akan diambil tindakan tangkapan, siasatan atau pendakwaan kerana sebahagiannya berlaku disebabkan kesilapan teknikal yang tidak disengajakan. Bagi kes-kes ini peniaga diberi peringatan dan tempoh untuk memperbaiki kesilapan yang berkenaan.

Sehingga 18 Mei 2015 hanya 4 kertas siasatan yang telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk dipertuduhkan. Bagaimanapun, hanya 2 kes yang diberi kebenaran untuk dituduh, 1 kes diarah melaksanakan siasatan lanjut dan satu lagi diputuskan tiada kes.

Selain itu, JKDM juga sedang menjalankan operasi '*Mystery Shopper*' di mana pegawai JKDM akan membuat pembelian misteri di kedai-kedai tertentu bagi memantau sejauh mana kepatuhan peniaga terhadap undang-undang dan prosedur GST.